

Cari calon isteri di FB

■ Pensyarah UTHM letak beberapa syarat tamatkan zaman bujang

Mohamad Fahd Rahmat
fahd@hmetro.com.my

Johor Bahru

Saya cuma mampu sediakan yang terbaik untuk kehidupan selepas perkahwinan termasuk rumah, kendaraan dan simpanan untuk bakal isteri dan anak, malah jika sesiapa yang sudi pernuhi syarat ini, saya sudi mengambilnya sebagai isteri," kata Dr Mohd Ariff Ahmad Nazri.

Tindakan pensyarah berusia 32 tahun itu mendapat perhatian pengguna laman sosial apabila status yang dimuat naik di Facebook jam 4.11 petang kelmarin dikongsi 900 pengguna dan mendapat 1,500 likes setakat jam 5 petang semalam sehingga tular di aplikasi sosial lain termasuk Twitter.

Menulis lanjut mengenai tindakannya itu, anak jati Gelang Patah yang berkhemah di Fakulti Kejuruteraan Awam dan Alam Sekitar Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) itu berkata, hatinya terbuka menulis status berkenaan kerana mahu menamatkan zaman bujang secepat mungkin.

"Saya anak sulung dari pada dua beradik, ayah (Ahmad Nazri Wahid, 58) dan ibu (Asmah Ayob, 56) kerap bertanya bila saya mahu berkahwin kerana mereka mendapati kehidupan saya sudah stabil.

"Ini masanya dan saya



DR Mohd Ariff mahu mencari calon isteri. Gambar kecil, status yang dimuat naik Dr Mohd Ariff mengenai hasratnya untuk beristeri yang tular di Facebook dan Twitter.

menulis status itu. Pada mulanya ia dikongsi rakan dan pelajar tetapi lama-kelamaan saya tidak sangka ia tular sehingga ramai yang menghantar pesanan di peti peranan Facebook saya.

"Bagi meredakan keadaan, saya menyah aktif semasa akaun Facebook dan menunggu keadaan reda semula barulah saya akan membuat pilihan," katanya ketika dihubungi, semalam.

Dr Mohd Ariff berkata, dia tidak berniat menyenggung atau merendahkan mana-mana pihak menerusi

kenyataannya itu termasuk meletakkan syarat supaya bakal isterinya mestilah pemegang ijazah sarjana dan berhasrat menyambung pengajian ke peringkat doktor falsafah (PhD).

Katanya, syarat itu adalah kehendaknya semata-mata dan melakukannya dengan alasan mahu bakal isterinya memahami hakikat dan tanggungjawabnya sebagai pensyarah.

"Saya pernah bertunang

best ever

Mohd Ariff Ahmad Nazri
Jah 16 at 4:11pm

sy mungkin xleh nk bagi hantaran lebih dari 2k..
sy dh sediakan rumah utk kita..dh sedjakan kenderaan selesa untuk kita bergerak..dh belikan steam iron yg menjadi idaman suri rumah utk kemudahan kita..dh siapkan simpanan untuk pendidikan anak2 kita..da lengkapkan segala peralatan rumah utk kehidupan kita selepas awin..bilik tetamu untuk mak ayah awk kot2 die melawat pun sy dh sediakan..boleh kan klu aran cuma 500 je?..
boleh, pm tepi.. nemeng...

pada 2009 sebelum putus pada 2011 akibat tiada persefahaman kerana ketika itu saya sedang melanjutkan pengajian peringkat PhD, bukan masalah orang ketiga."

Beliau berkata, tiada masalah jika bakal isterinya itu tidak pandai memasak asalkan pandai menggosok baju, berdikari dan berkeperibadian baik.